

Headline	Sokong naik taraf Jakim		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Nov 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	10	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 708
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,124



Sokong naik taraf Jakim

KUALA LUMPUR - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Masitah Ibrahim bersetuju dengan resolusi Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2012 yang menggesa kerajaan menaikkan taraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebagai sebuah kementerian bagi menangani isu krisis akhlak.

Beliau berkata, resolusi itu dicapai tepat pada masanya di mana Jakim sepatutnya dinaik taraf menjadi kementerian memandangkan banyak isu krisis akhlak melanda masyarakat.

"Apabila Jakim menjadi kementerian, bidang kuasa Jakim diperluas dan kita akan mempunyai ramai tenaga kerja bagi menjayakan misi serta visi Jakim.

"Jika Jakim hanya jabatan, bidang kuasanya tidak meluas kerana Jakim hanya boleh buat pemantauan bagi kesalahan berkaitan agama, manakalan kuasa mengambil tindakan adalah terletak pada Jabatan Agama Negeri," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/Aids, di sini.

Ditanya keberkesanan langkah itu, Masitah berkata, ia jalan terbaik bagi memperkasa Jakim dalam menangani serta menyelesaikan krisis akhlak dan agama.

Mengulas mengenai Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/Aids, Masitah berkata, persidangan dua hari itu adalah manifestasi kecekalan, kerjasama dan kebijaksanaan pelbagai pihak bagi menghadapi cabaran jangkitan HIV/Aids.

"Saya percaya persidangan ini meng-

hasilkan resolusi jitu untuk diangkat kepada pihak berwajib bagi melaksanakan tindakan berdasarkan resolusi tersebut," katanya.

Beliau berkata, salah satu resolusi yang dicapai ialah memasukkan golongan pesakit HIV/Aids ke dalam golongan yang layak menerima zakat (riqab asnaf) bagi membantu mereka dari segi kewangan.

"Golongan ini boleh diklasifikasikan sebagai golongan yang terdesak dan terancam oleh penyakit yang dihadapi di mana memerlukan pelbagai bantuan termasuk bantuan kewangan," katanya.

Masitah berkata, perkara itu akan disyorkan kepada agensi mengendalikan zakat dan berharap ia dapat dilaksana secepat mungkin bagi membela nasib pesakit HIV/Aids.

"Dengan adanya bantuan ini, mereka boleh menggunakannya sebagai bantuan membiayai keperluan sara hidup serta keperluan lain," katanya.

Beliau berkata, Malaysia merupakan satu-satunya negara Islam di dunia yang mempunyai Manual Islam dan HIV/Aids berlandaskan ajaran Islam yang kini mempunyai edisi dwibahasa dan bakal diterjemah ke dalam Bahasa Arab.

Sementara itu pembentang kertas kerja dari Qatar, Dr Elmubasher Abu Baker Abdo memuji Malaysia sebagai negara perintis menganjurkan persidangan isu HIV/Aids.

"Saya harap negara lain akan contohi Malaysia dan melaksanakan usaha pencegahan menerusi cara Islam," katanya.

- Bernama